

# Cabaran besar kekalkan keputusan kaji selidik penerimaan PM, kerajaan

- Kerajaan tak boleh terlalu selesa kerana tahap kepuasan hati didapati positif dalam tempoh 100 hari terawal mencatatkan penurunan selepasnya seperti dialami ketiga-tiga Perdana Menteri kerajaan lalu

- Kelebihan dua pertiga kerusi di Parlimen memudahkan pembaharuan dan transformasi dilakukan terutama pengwujudan kerja, jurang gaji, kemasukan pelaburan langsung asing serta lebih serius tangani rasuah



Profesor Emeritus di Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)

Oleh Prof Emeritus  
Datuk Dr Wan Hashim Wan Teh  
bhrencana@bh.com.my

Banyak diperkatakan mengenai keputusan kaji selidik dibuat Merdeka Center pada 26 Disember hingga 15 Januari lalu dan diumumkan pada Jumaat lalu. Paling mendapat perhatian ialah dapatan lebih dua pertiga atau 68 peratus responden berpuas hati terhadap prestasi Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Perdana Menteri.

Secara khususnya tahap kepuasan hati terhadap Perdana Menteri mengikut etnik ialah India sebanyak 91 peratus, Bumiputera bukan Islam (83 peratus), Cina (73 peratus), Bumiputera Islam (66 peratus) dan Melayu (60 peratus).

Seterusnya ialah tahap kepuasan hati terhadap Kerajaan Perpaduan yang berada pada lebih separuh atau 54 peratus yang positif, tetapi lebih rendah berbanding prestasi Perdana Menteri.

Secara khususnya tahap kepuasan hati terhadap Kerajaan Perpaduan mengikut etnik ialah India sebanyak 67 peratus, Cina (67 peratus), Melayu (49 peratus), Bumiputera bukan Islam (42 peratus) dan Bumiputera Islam (39 peratus).

Dapatan menarik lain ialah 83 peratus menerima pemilihan Anwar sebagai Perdana Menteri Ke-10, manakala 79 peratus responden menerima keputusan Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) dan 77 peratus pula setuju Kerajaan Perpaduan akan membawa kestabilan serta imej keterangkuman kepada negara.

Penyokong Kerajaan Perpaduan pastilah bergembira dengan keputusan kaji selidik ini kerana ia mengesahkan sokongan dua pertiga ahli Parlimen di Dewan Rakyat pada 19 Disember lalu kini sudah meresap ke akar umbi diterjemahkan kepuasan hati 68 peratus responden.

## Tidak boleh terlalu selesa

Pada masa sama, mereka tidak boleh terlalu selesa kerana berdasarkan kaji selidik lalu tahap kepuasan hati terhadap seseorang Perdana Menteri baharu dan terhadap sesebuah kerajaan baharu ditubuhkan sememangnya didapati positif atau amat positif dalam tempoh 100 hari terawal.

Contohnya, kaji selidik dibuat Merdeka Center pada 7 hingga 14 Ogos 2018 mendapati tahap kepuasan hati terhadap Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri berada pada 71 peratus, manakala tahap kepuasan hati terhadap Kerajaan Pakatan Harapan (PH) pula berada pada 67 peratus.

Begitupun, kaji selidik sama dibuat Merdeka Center pada 5 hingga 11 Mac 2019, selepas hampir setahun Dr Mahathir dan kerajaan PH mendapati bahawa tahap kepuasan hati terhadap Dr Mahathir menurun menjadi 46 peratus, manakala tahap kepuasan hati terhadap kerajaan PH pula jatuh kepada 39 peratus.

Perkara hampir sama berlaku kepada dua Perdana Menteri selepas beliau, iaitu Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob serta kerajaan diketuai kedua-duanya, menunjukkan penerimaan baik pada peringkat awalnya, tetapi menurun dengan perubahan masa.

"Satu kelebihan besar yang ada pada Anwar dan Kerajaan Perpaduan sekarang berbanding ketiga-tiga Perdana Menteri dan kerajaan terdahulu adalah mereka memiliki dua pertiga kerusi di Parlimen"

Oleh itu, adalah menjadi satu cabaran besar untuk Anwar dan Kerajaan Perpaduan bukan sahaja mengekal, bahkan meningkatkan tahap kepuasan hati terhadap mereka seiring dengan perubahan masa supaya peristiwa berlaku ke atas ketiga-tiga Perdana Menteri terdahulu dan kerajaan sebelum ini yang menunjukkan kemerosotan prestasi tidak berulang.

Satu kelebihan besar yang ada pada Anwar dan Kerajaan Perpaduan sekarang berbanding ketiga-tiga Perdana Menteri dan kerajaan terdahulu adalah mereka memiliki dua pertiga kerusi di Parlimen. Sokongan kuat ini pastinya akan memudahkan Anwar dan Kerajaan Perpaduan melakukan pelbagai pembaharuan dan transformasi.

Pandangan serius perlu diberikan terhadap enam isu terbesar yang Kerajaan Perpaduan perlu fokuskan, iaitu pengwujudan kerja sebanyak 19.8 peratus, jurang gaji (18.8 peratus), kemasukan balik pelaburan langsung asing (11.5 peratus), usaha menangani rasuah lebih serius (9.8 peratus), pembaharuan pendidikan (8.6 peratus) serta keharmonian kaum dan

agama (8 peratus).

Berdasarkan kenyataan dan ucapan Anwar dan menteri Kabinet lain selama ini, khususnya kepada peluncuran gagasan Malaysia MADANI baru-baru ini, tidak syak lagi semua isu terbesar menjadi kebingungan serta pengharapan responden ini sememangnya berada dalam perhatian mereka, sekaligus menunggu masa untuk dilaksanakan sahaja.

## Tak terima kepopularan Anwar sebagai PM

Ada juga pihak tidak mahu menerima kepopularan Anwar sebagai Perdana Menteri dan penerimaan ke atas Kerajaan Perpaduan dengan membuat dakwaan Merdeka Center adalah sebuah badan kaji selidik tidak berwibawa kerana ia dikatakan sentiasa mempunyai sikap menyokong PH.

Walaupun begitu, rekod Merdeka Center sebagai badan kaji selidik adalah membanggakan dengan banyak sekali kaji selidik dibuat olehnya selama ini benar-benar mencerminkan apa yang berlaku secara realitinya pada peringkat akar umbi.

Contohnya, kaji selidik dibuat Merdeka Center pada 31 hingga 18 November tahun lalu menunjukkan dengan hampir tepat pilihan pengundi ke atas Anwar sebagai calon Perdana Menteri utama sebanyak 33 peratus, Muhyiddin (26 peratus) dan Ismail Sabri (17 peratus). Begitu juga dengan jangkaan kedudukan PH sebanyak 33.6 peratus mengatas Perikatan Nasional (PN) yang mendapat 20.3 peratus dan Barisan Nasional (BN) pula 15.4 peratus yang selari dengan realiti.

Ada juga mempertikaikan bilangan responden dikatakan kecil, iaitu 1,209 orang dan didakwa tidak mewakili seluruh rakyat Malaysia. Pihak ini tidak faham metodologi kaji selidik kerana 1,209 responden ini dipilih secara sistematik mengikut random stratified sampling dengan responden dipastikan mencerminkan profilpengundi dari segi umur, etnik, jantina dan kawasan mengundi.

Tegasnya, keputusan kaji selidik ini seharusnya berupaya untuk membenamkan apa-apa pertikaian ke atas penerimaan rakyat terhadap Anwar dan terhadap Kerajaan Perpaduan. Jelas, berdasarkan kaji selidik ini, majoriti besar rakyat sudah mahu bergerak ke hadapan.

Ini kerana 83 peratus menerima pemilihan Anwar sebagai Perdana Menteri dan 77 peratus setuju Kerajaan Perpaduan akan membawa kestabilan serta imej keterangkuman kepada negara adalah bukti nyata bahawa jika ada suara masih mahu mempersoalkan keabsahan Anwar dan Kerajaan Perpaduan maka suara ini hanyalah suara sumbang berada di pinggiran.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH